

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status perolehan pesawat tempur ringan dan UAV, termasuk :-

- (a) jumlah permohonan peruntukan siling perolehan pesawat tempur ringan di bawah RMK-12 dan;
- (b) calon-calon yang disenarai pendekkan dalam proses RFI untuk kedua-dua projek ini.

JAWAPAN

Keperluan perolehan pesawat platform tunggal dwi-peranan yang mampu melaksanakan peranan sebagai *Fighter Lead-In Trainer* dan *Light Combat Aircraft* telah didaftarkan di bawah *Rolling Plan (RP) 1 Tahun 2021*, Rancangan Malaysia Ke-12 sebagai keutamaan utama projek baharu TUDM. Pada ketika ini, masih tiada sebarang kelulusan dan peruntukan siling yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Bagi perolehan *Unmanned Aircraft System (UAS)*, iklan Tender Terbuka Antarabangsa bagi perolehan UAS Fasa 1 TUDM telah dikeluarkan pada 25 Ogos 2020. Tarikh tutup tender tersebut adalah pada 26 Nov 2020. Tiada sebarang platform yang disenarai pendek semasa proses *Request For Information (RFI)* bagi kedua-dua perolehan berkenaan.

Terima kasih.